# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 44 | RABU 31HB OKTOBER, 1979 | رابو 9 ذوالحجة 1399 | PERCHUMA


## MAJLIS TAHLIL GENAP 40 HARI LINDONG ALMARHUMAH DYTM PADUKA SURI SERI BEGAWAN RAJA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Membacha Tahlil, memperingati Genap Empat Puloh Hari, hari lindong Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibnata Seri Paduka Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman telah selamat sempurna di-langsongkan di-Istana Darul Hana pada petang Rabu 1hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan dengan 23hb Oktober, 1979.

Terdahulu dari itu, Majlis Menghantar ayeng asah-asahan Genap Empat Puloh Hari, ka-Makam Diraja juga selamat di-sempurnakan. Mengetuai rombongan Diraja, menghantar ayeng asah-asahan pada petang itu, ia-lah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Pengiran Muda Haji Mohd 'Alam, Pengiran2 Cheteria, Pehin2 dan lain2 pembesar2 negara serta ketua2 jabatan Kerajaan.

Keesokan-nya, 2hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan 24hb Oktober, 1979, satu istiadat membuka Nobat Diraja, telah di-langsongkan di-Lapau di-ibu negeri. Istiadat tersebut telah di-langsongkan di-hadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Nobat Diraja itu telah di-tutop sa-lama 40 hari di-sebabkan lindong-nya Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, pada 20hb Dzulkaedah, 1399 bersamaan 13hb September, 1979 yang lalu, ketika Duli Yang Teramat Mulia itu berusia 55 tahun.

Turut berangkat ka-istiadat itu, ia-lah lain2 kerabat Diraja. Hadhir sama ia-lah Pengiran2 Cheteria, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan ketua2 jabatan Kerajaan.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menjirus Ayeng Asah-Asahan ka-atas makam Almarhumah DYTM Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit sa-jurus sa-lepas membacha Tahlil genap 40 hari lindong-nya Almarhumah.

### Manis-nya Iman

"ADA pun harapan itu suatu rahmat daripada Allah bagi umat ku. Kalau-lah tidak kerana harapan tidak-lah sa-orang itu mahu menyusukan anak dan tidak-lah sa-orang peladang akan menanam pokok tanaman." — HADITH Nabi riwayat Al-Khatib daripada Anas.

## Dua Istiadat Mengarak berlangsong bulan depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua Istiadat Mengarak akan berlangsong di-Lapau di-sini dalam awal dan pertengahan bulan depan.

Istiadat Mengarak itu ia-lah bagi Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah menjadi Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal yang akan berlangsong pada jam 2.30 petang, hari Rabu 7hb Nobember, 1979.

Sementara Istiadat Mengarak bagi Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menjadi Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara yang akan berlangsong pada jam 2.30 petang hari Khamis 15hb Nobember, 1979.

Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga bagi kedua2 Istiadat itu akan berlangsong di-Lapau pada hari Ahad 4hb Nobember, 1979 jam 9.00 pagi.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah telah berangkat menghadhiri Majlis Jamuan untok anak2 yatim di-Daerah Brunei-Muara yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia pada hari Ahad lalu.

Yang Teramat Mulia yang menjadi tetamu kehormat di-majlis itu juga berkenan menyampaikan hadiah2 kapada anak2 yatim yang menghadhiri majlis tersebut (gambar atas). —Berita lanjut di-muka 16.

## Sifat tidak hormat, galat dan sopan boleh wujudkan jenerasi 'push-button'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untok menimbulkan keharmonian sa-sama kita mesti-lah wujud sifat hormat-menghormati, galat-menggalati dan bersopan-santun dalam segala tingkah laku.

Menyatakan demikian Awang Mahmud bin Haji Bakyr menjelaskan keyakinan-nya, ada-lah suatu yang menyayat hati bahawa dalam kenchah kehidupan yang serba mengejar kemewahan hidup, orang sering lupa akan amalan berbudi bahasa dan bertegor sapa.

Ini kata-nya, boleh mengwujudkan satu jenerasi 'push-button' saperti mesin dan robot yang tidak berbudi bahasa, budi pekerti dan segala sifat murni serta terpuji.

"Ini-lah fact yang terdapat di-negara2 yang konon-nya bertamaddun di-mana si-anak tidak sudi hidup sabumbong dengan orang tua-nya kerana takut akan terjejas privacy, dan akan lega-lah nafas si-anak sa-lepas menyumbatkan orang tua-nya ka-dalam "Old People's Home", atau antara sa-sama pekerja tidak lagi terdapat rasa muhibbah, tolong-menolong dan toleransi", jelas Awang Mahmud.

Semua-nya itu, tambah-nya, di-kira atas pertimbangan untong-rugi sa-mata2 yang hanya membawa kapada perkara2 yang melampau yang dengan terang menampakkan bahawa pertimbangan kebendaan telah menumpaskan rasa kemanusiaan.

Beruchap dalam Malam Mekar Aidil-Fitri untok keluarga Dewan Bahasa dan Pustaka di-Balai Pameran di-sini malam Sabtu, 27hb Oktober itu juga Awang Mahmud berkata, kerana ka-arah chita2 kehidupan bermoral dan bersopan-santun itu-lah usaha sentiasa di-laksanakan bagi mendedahkan chiri2 murni masharakat kapada jenerasi muda kita.

Lihat muka 16

## 9 orang lagi lulus Sarjana Muda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei yang telah mengikuti kursus di-bawah skim latehan dalam perkhidmatan di-United Kingdom dan Mesir telah lulus dengan mendapat ijazah Sarjana Muda.

Mereka ia-lah Awang Dani bin Ibrahim lulus dengan mendapat kepujian dalam bidang Sociology/Social Anthropology dari University of Hull, United Kingdom.

Pg Mohammad bin Pg Haji Abdul Rahman pula lulus dalam jurusan Usuluddin, Awang Adam bin Hj Ahmad lulus dalam jurusan Bahasa Arab dan Sejarah dan Awang Metussin bin Haji Baki lulus dalam jurusan Shariah (Perundangan Islam). Ketiga2 mereka itu ada-lah lepasan Universiti Al-Azhar, Mesir.

Sementara itu lima orang penuntut yang menerima dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah juga lulus dengan mendapat ijazah Sarjana Muda dalam berbagai jurusan dari Universiti Al-Azhar di-Mesir.

Lihat muka 16

## Hari Raya Haji esok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah mengumomkan bahawa Hari Raya Haji bagi tahun ini jatoh pada hari Khamis, esok 1hb Nobember, 1979.

Jabatan itu juga mengumomkan bahawa sembahyang Hari Raya Haji akan di-adakan di-semua masjid di-seluroh negeri mulai jam 7.30 pagi

Hari Khamis dan Sabtu ada-lah di-istiharkan sa-bagai hari kelepasan awam.

## Dapatkan kebenaran terlebeh dahulu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai yang hendak membawa masok kereta yang sudah di-pakai di-luar negeri ka-negeri ini hendak-lah terlebeh dahulu mendapatkan kebenaran (A.P.) daripada Pegawal Kastam dan Eksais.

Menurut satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Pengawal Kastam dan Eksais menyatakan bahawa kereta yang sudah di-pakai di-luar negeri ada-lah di-sekat pengimpotan-nya dan Pengawal Kastam dan Eksais ada-lah berhak menolak sa-suatu permohonan yang tidak mematohi peratoran yang di-sharatkan.

**Pelita Brunei**

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

31HB OKTOBER, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

## DALAM PERMAINAN LALU LINTAS SHELL

USAHA pehak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad pada meneruskan permainan lalu lintas bagi penuntut atau murid2 sekolah di-negeri ini, patut di-berikan pujian. Ia-nya juga sa-bahagian usaha kempen keselamatan jalanraya. Kerana di-kebanyakan puncha kemalangan jalanraya itu terletak di-tangan individu sendiri. Jika mereka menyedari betapa besarnya pengertian keselamatan pada diri sendiri dan juga pada orang lain, sudah tentu kemalangan akan dapat di-hindarkan atau di-kurangkan.

Sa-seorang individu perlu mempunyai sikap mengalah atau sifat toloransi ia-itu tidak akan berlumba2 hanya sa-kadar untok tiba dahulu ka-satu tempat yang di-hajati. Dan kadang kala terdapat juga sa-tengah-tengah individu itu kurang mengambil perhatian akan tanda2 atau isharat2 sa-waktu memandu kereta di-jalanraya. Apabila ini di-abaikan tentu kesan-nya sedikit sa-banyak menyusahkan pula kapada pengguna2 jalanraya yang lain.

Ada pula pemandu kereta yang ingkar mematohi peratoran2 jalanraya, ia-itu apabila sudah mengikut lorong jalanraya yang sudah di-tentukan haluan yang di-arahkan oleh tanda anak panah, tiba2 mereka menukar haluan hala jalan tanpa memberikan isharat pengguna yang mengekor-nya di-belakang. Ini juga boleh mengakibatkan kemalangan jalanraya dengan serta-merta.

Begitu pula memberhentikan kereta dengan sesuka hati melebehi ruang jalanraya untok lalu lintas orang lain. Dan ada pula membuka pintu kereta tanpa melihat dulu kereta yang datang dari arah belakang. Bayangkan-lah apa yang akan terjadi jika di-sa-buah jalanraya yang sebok dan kechil. Tentu kemalangan jalanraya akan berlaku.

Di-samping itu kita tidak dapat menafikan faktor2 lain pada kenderaan itu sendiri. Sa-seorang individu perlu mempastikan kenderaan2-nya berada di-dalam keadaan yang baik dan selamat di-gunakan di-atas jalanraya.

Bersabar menunggu di-tepi jalanraya sa-belum melintas atau menyeberang dan kemudian mempastikan kenderaan yang laju sudah berlalu serta meyakinkan ia-nya chukop selamat di-gunakan, baru-lah melintasi atau menyeberangi jalanraya. Tetapi lain-lah halnya dengan kanak2 yang belum berupaya melakukannya dengan sendiri — mereka itu seharus-nya memerlukan pertolongan dari orang lain.

Kapada orang yang berjalan kaki di-atas jalanraya, terutama di-tempat yang sebok, mereka perlu tahu menggunakan tempat lalu lintas bagi orang2 yang berjalan kaki. Mereka perlu menanti dengan sabar sa-hingga kenderaan yang berada di-tempat itu sudah berhenti atau berlalu. Bukan-nya berlari terus tanpa melihat dahulu kiri-kanan.

Bagi penunggang2 basikal pula, mereka perlu ber-hati2 apabila berada di-jalanraya — memasang lampu di-waktu malam, chari-lah tempat jalanraya yang tidak sebok, berupaya melihat kenderaan yang ada di-sekitar-nya dengan jelas dan lain2.

Semua yang di-bentangkan serba sedikit di-atas itu ada di-tunjokkan dalam permainan lalu lintas Shell, bagi memudahkan kanak2 atau penuntut2 sekolah memahami-nya sa-waktu berada di-jalanraya. Sementara itu, di-sekolah2 perlu juga di-ajarkan tanda2 isharat jalanraya dan di-masokkan sa-bahagian pelajaran asas dalam matapelajaran sivik. Kerana apabila mereka itu dewasa nanti, mereka sudah dapat membentok dan mengerti akan hakikat keselamatan jalanraya yang sebenar-nya.

# PADA HEMAT SAYA....

# MINAT MEMBACHA AKHBAR

"... kita tidak dapat membendong minat mereka terhadap hal ehwal luar negeri tapi kita perlu sama mengasoh sikap yang sudah ada di-kalangan mere ka ia-itu menchakapkan (apa-tah lagi memikirkan) satu2 perkara berdasarkan apa yang di-bacha di-surat2 khabar, di-lihat dan di-dengar di-radio dan TV, lebeh dari apa yang sa-takat di-dengar dari mulut ka-mulut."

TIDAK kurang sa-puloh surat khabar harian luar negeri yang di-datangkan ka-sini sa-tiap hari. Keseluruhan-nya dari negeri2 jiran.

Bilangan ini tentu agak besar, hatta di-negeri2 jiran itu tidak-lah sampai ada sa-puloh akhbar harian yang di-edarkan sa-rentak. Di-sa-tengah2 bandar besar-nya paling banyak tiga atau empat sahaja.

Kemasokan-nya dalam bilangan yang besar itu saperti menampakkan kan-nya orang2 di-negeri ini chenderong atau gemar membacha akhbar. Sa-tidak2-nya mereka dengan pilehan masing2. Tapi tidak-lah pasti sa-jauh mana pula kechenderongan itu menampakkan kechenderongan aliran memileh masing2 akhbar itu. Ya'ani: apa-kah mereka memileh satu2 akhbar — sa-chara berlanggan tetap umpama-nya — kerana chenderong kapada aliran atau sikap akhbar2 berkenaan? Ini yang tidak jelas.

Mungkin chuma ada yang sa-takat membacha bagi mendapatkan bahan hiboran. Tetapi tidak pula dapat di-tolak kemungkinan ada yang benar2 membacha kerana gemar mengikuti hal ehwal lain. Semua-nya mungkin, kerana semua surat khabar itu menyiarkan berbagai2 berita dan renchana yang kebanyakan-nya ia-lah mengenai negeri surat2 khabar itu sendiri.

Yang jelas ia-lah orang2 yang gemar membacha akhbar2 itu jarang terbacha mengenai hal ehwal negeri ini. Liputan berita sa-kitar negeri kita chuma sekali sa-kala mendapat siaran di-sa-tengah2 akhbar tersebut.

### TANDUS ?

Kita tidak fikir negeri kita ini tandus bahan2 berita sa-hingga surat2 khabar itu sukar mendapatkan-nya. Kita faham surat khabar itu dengan dasar penumpuan berita sa-kitar negeri masing2, dan berita luar negeri, termasok-lah negeri kita, mendapat tempat mengikut merit-nya. Itu pun berita negeri kita tidak sa-kerap berita satu2 negeri yang lebeh jauh, hatta kata orang di-ujong2 dunia!

Ini-lah yang boleh di-katakan mengechewakan orang2 kita yang membacha akhbar sa-tiap hari. Ya'ani mereka kechewa, kalau mereka menaroh harapan untok membacha berita 'tempatan' mereka. Tapi saya tidak fikir mereka kechewa benar sampai hilang semangat membacha. Yang jelas mereka terus menerus dengan akhbar pilehan masing2.

Jadi sa-makin sukar bagi di-ketahui aliran kechenderongan mereka dalam membacha surat2 khabar itu.

Bagaimana pun tidak-lah pula sa-sukar itu untok menjangkakan kesan pengaroh pembachaan itu kapada mereka.

Saya biasa mendapati orang2 kita yang berlanggan tetap satu2 akhbar akan berchakap mengenai apa yang di-bacha-nya. Tidak sa-takat menchakapkan-nya bahkan membubohkan juga ulasan2-nya sendiri. Ini suatu chontoh, dan chontoh begini tentu-lah dapat di-kaitkan dengan lain2 chontoh manakala ada pula pembacha tetap akhbar lain yang sampai kapada had mengupas satu2 perkara yang di-bacha-nya.

Kesan-nya: orang2 yang sa-demikian itu boleh di-katakan terasoh baik oleh pembachaan-nya, sekurang2-nya dalam hal menchakapkan satu2 perkara.

### DENGAR-DENGARAN

Ramai-kah orang2 yang terasoh sampai kapada hal itu? Ramai tidak-nya bukan-lah tumpuan perhatian kita. Yang menyenangkan ia-lah ada orang2 kita yang sampai ka-taraf demikian.

Menyenangkan dalam erti-kata mereka itu tahu menilai satu2 perkara yang di-bacha-nya dari akhbar2. Dan yang penting sekali ia-lah mereka menchakapkan apa yang di-bacha-nya, bukan apa yang chuma di-dengar2-nya!

Maka dari segi ini sayang sekali berita sa-kitar negeri kita jarang mendapat tempat. Kalau selalu ada dalam liputan berita surat2 khabar luar negeri yang di-bacha oleh orang2 kita itu tentu sekali mereka juga terasoh untok menchakapkan mengenai negeri ini dari apa yang di-bacha-nya lebeh dari apa yang sa-takat di-dengar2-nya.

Akibat-nya: orang2 kita mudah bersikap dengar-dengaran!

Mujor-lah juga di-negeri ini kita mempunyai saloran2 berita tempatan. Sa-tiap hari melalui radio dan TV. Sa-tiap minggu ada juga surat khabar, termasok-lah akhbar Pelita Brunei ini.

Bagaimana pun, kita sedia ma'alom liputan2 berita melalui saloran2 itu saperti tidak menchukopi keperluan orang2 kita. Tambahan pula orang2 kita yang membacha surat2 khabar luar negeri sudah terasoh dengan chara pemberitaan yang meluas. Mithal-nya berita mengenai perkembangan atau pembangunan, mereka tidak sa-takat terbacha 'benda'-nya tetapi juga petekan nas2 uchapan mengenainya.

### USAHA

Saya tidak-lah mentiadakan usaha dan perchubaan orang2 kita membuat liputan berita demikian. Itu pun dapat di-lakukan sekali sa-kala, bukan kerana ruangan terbatas, tapi selalu tergendala apabila satu2 perkara yang di-beritakan itu tidak lengkap bahan-nya yang sampai kapada pemberita atau penyunting.

Mungkin dalam jangka masa yang tidak jauh lagi, orang2 kita — terutama orang2 yang menjadi berita bagi menasabah2 yang ia-nya jadi berita itu — dapat membantu memenohi keperluan itu.

Dalam pada itu tidak-lah pula di-duga minat kapada surat khabar luar negeri akan berkurangan. Mungkin sa-balek-nya akan meningkat.

Soal-nya ia-lah kita sedar akan keperluan turut sama mengasoh (kalau pun tidak membentok) sikap orang2 kita dalam kechenderongan mereka mengikuti berita akhbar. Erti-nya kita tidak dapat membendong minat mereka terhadap hal ehwal luar negeri tapi kita perlu sama mengasoh sikap yang sudah ada di-kalangan mereka ia-itu menchakapkan (apatah lagi memikirkan) satu2 perkara berdasarkan apa yang di-bacha di-surat2 khabar, di-lihat dan di-dengar di-radio dan tv, lebeh dari apa yang sa-takat di-dengar dari mulut ka-mulut.

Erti-nya: Kita tidak menolak kemungkinan ada yang terpengaroh atau pun sa-tidak2-nya tertarek dengan hal ehwal luar negeri yang di-bacha-nya melalui mana2 dari tidak kurang sa-puloh akhbar harian luar negeri yang di-datangkan ka-sini itu. Kita sedia berfaham unsor pengaroh mempengarohi dalam dunia sekarang ini sudah lumrah. Tinggal lagi sa-jauh mana kita dapat menilai dan memileh. Dan itu-lah, kechuali dalam perkara yang sudah terang dan tentu akibat burok-nya, kita membenarkan pengaliran masok berita2 luar negeri menerusi surat2 khabar yang di-datangkan ka-negeri ini. — *Ketua Pegawai Penerangan.*



KEDAI menjual surat khabar selalu kelihatan sebok di-kerumuni oleh orang2 yang menaroh minat membacha. Mereka ada yang berlanggan tetap dan membelanjakan sampai 50 ringgit sa-bulan untok surat2 khabar harian.

# ROYAL MOURNING PERIOD ENDS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei royal family completed the mourning period of forty days for the late Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit on Wednesday afternoon with a "Nobat" ceremony held at the Lapau here.

The ceremony was conducted in the presence of the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Also present were other members of the royal family and state dignitaries.

On Oct 23, the "Tahlil" ceremonies were also held at the Royal Mausoleum and at the palace here.

His Highness the Sultan, the Paduka Seri Begawan Sultan, the Perdana Wazir, Price Mohammad Bolkiah, Prince Haji Sufri Bolkiah, Prince Jefri Bolkiah, other members of the royal family, state VIPs and officials attended both of the ceremonies.

The Paduka Suri Seri Begawan Raja passed away on Sept 13 at the palace.

Brunei was plunged into mourning as soon as the shocking news of her death was broadcast over RTB.

A thirty-day mourning period was then decreed for the people of Brunei, and all flags were flown at half masts.



**The Paduka Seri Begawan Sultan pouring the scented water on the grave of the late DYTM Paduka Suri Seri Begawan Raja on the last day of the water sprinkling ceremony at the Royal Mausoleum in Bandar Seri Begawan (on the right) and the picture below shows the State dignitaries attending the "Tahlil" ceremony being held at the palace last week to mark the end of the royal mourning period of the late DYTM Paduka Suri Seri Begawan Raja.**



## TV programmes contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei's Educational Television, ETV, is entering two programmes in an international twelve-day contest being held in Tokyo and commenced on Friday.

The programmes are "Let Us Speak English" and "Sains Dan Hidupan Di-Brunei".

This is the first time ETV is taking part in such a competition since the service started less than two years ago.

The Acting Head of ETV, Dayangku Rahmah binte Pengiran Jadid left for the Japanese capital on Oct 23 to attend the contest as an observer.

She is joining representatives from other ninety TV organisations.

From Tokyo, she will proceed to Sydney, Australia, to attend a two-week course on production techniques.

## More tanks for RBMR

BANDAR SERI BEGAWAN. — More tanks were added to the Royal Brunei Malay Regiment's Armoured Recce Squadron.

On Thursday, five tanks, three "Scorpions" and two "Sultan" tanks (see the picture below) were unloaded at the Muara Port to join the squadron's three Scorpions in its present fleet.

The Sultan tank, which is the first in Borneo is a command fighting vehicle and has the normal gun turret removed to make more space inside.

The Sultan tank is of the same size as the Scorpion. It will have four crew including a radio operator.

To make it full in fleet, the Squadron will have another thirteen Scorpions and one "Samson" tank in future.

The Samson is a specially equipped and designed recovery vehicle to back up the other tanks.



## *Poppy Day*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Poppy Day Collection will be held from Nov 8 to 10.

The Remembrance Day Service will be held at St. Andrew's Church here, on Nov 11 (Sunday) at 10.45 am.

Those who are interested are welcomed to attend the service.

## *Judo belt presenting ceremony*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Thirty-seven policemen received their judo belts and certificates on Thursday.

They have just completed a refresher course.

The ceremony took place at the Police Training Centre in Jalan Muara.

The Assistant Commissioner of Police, Pengiran Putera Negara Pengiran Omar, presented the awards to them.

So far, more then two thousand judo belts have been awarded to the police personnel.

Those present at the ceremony included the Commandant of the Police Training Centre, Dato Alias.

## Prof Russel arrives

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dr Russel Jones, a professor from the School of Oriental and African Studies at the University of London arrived in Brunei on Thursday for a week's visit.

He was met on arrival at the airport by the Director of Museum, Pengiran Dato Sharifuddin and Senior Museum officials.

Dr Russel is in Brunei at the invitation of the government and he is currently conducting a research on old manuscripts as well as about the development of Islam in Brunei.

## Hari Raya Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Religious Affairs Department has announced that the Hari Raya Haji will fall on Nov 1 (tomorrow).

Hari Raya Haji prayers at all mosques and suraus in the country will begin at seven thirty in the morning.

Tomorrow, Nov 1 and Saturday, Nov 3, are declared as public holidays.

## Parachuting training

BANDAR SERI BEGAWAN. — Three members of the Royal Brunei Police Force left for Singapore last week to attend a thirty-five day course in parachuting.

They were Senior Inspector Sout bin Moksin, Sergeants Ramlee bin Shari and Isa bin Besar from the Force's Special Operation Section.

They are now attached to the Singapore Air Force Parachute School at Seletar.

## Traffic Games in Temburong

BANGAR. — The Shell Traffic Games for Primary School children in the Temburong District was held last Friday at the compound of the Pengiran Muda Mohammad Bolkiah Religious School here.

It was officially opened by the Acting Controller of Land Transport, Awang Omar bin Haji Serudin.

In his opening speech, he warned that he would not hesitate to take action against owners of trucks and land rovers who had failed to renew their vehicles' licences.

He had found many cars without licences were on the roads in the district.

In some cases, the licences had expired a year.

It was the first time the Shell Traffic Games were held in the Temburong District.

The Bokok Malay School which emerged as the champion will represent the district at the state final to be held later in the capital.

## Police swimming competition

GADONG — A police inter-units swimming competition was held on Sunday at the Royal Brunei Police Sports Complex here.

The contest was organised by the Royal Brunei Police Sports Council.

It was officially opened by the Police Commissioner, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

## Nine injured in accident

BANGAR. — A serious road accident occurred in the Temburong District last Wednesday.

As a result, nine people were critically injured. They were travelling on a Public Works Department's truck when it overturned at a corner in Kampong Belingus about eight miles from here.

Seven others including the driver received minor injuries.

A Royal Brunei Malay Regiment's helicopter was used to bring the seriously injured to the General Hospital in Bandar Seri Begawan.

## NEW RULINGS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Public Works Dept has announced that as from Nov 1, quotation tenders will be considered and dealt with by the Quotation Committee of the Dept.

At the same time, work notices and orders valued below five thousand dollars will be shown on the notice board of the dept's HQ.

It has advised contractor to use the correct application from and address their tenders to the Quotation Committee.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

### "Do'a yg di-champor-adok dengan bid'ah serta maksiat tidak-lah akan di-terima"

# KEADAAN2 YG MUSTAJAB BERDO'A

BERKATA Al-Imam Shamshuddin Muhammad Al-Jazari As-Shafi'e (meninggal tahun 833 Hijrah) dalam kitab Al-Hisnul Hasien Min Kalam Sayidil Mursalin: Hal2 dan keadaan2 yang mustajab berdo'a pada-nya ia-lah:

*ketika orang azan kerana sembahyang
*di-antara azan dan iqamat
*lepas حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ dan حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ bagi orang2 yang di-dalam bimbang atau yang kena kesusahan
*ketika ada dalam barisan berperang sabilullah
*ketika sedang serang-menyerang dalam perang sabilullah
*lepas sembahyang2 fardhu
*dalam masa sujud
*lepas membacha Al-Kor'an, apa-tah lagi lepas khatam dari membacha Al-Kor'an apa-tah lagi do'a yang datang daripada pembacha Al-Kor'an itu sendiri.
*ketika sedang minum ayer zamzam
*ketika hadhir di-ka'abah
*ketika ayam jantan berkukok
*ketika orang2 Islam berhimpun dalam majlis2 zikir
*ketika imam berkata وَلَا الضَّالِّينَ (di-hujong ayat Al-Fatihah) dalam sembahyang.
*ketika merapatkan mata orang yang mati
*ketika iqamat kerana sembahyang
*ketika hujan turun
*ketika melihat ka'abah.

SELESAI SEMBAHYANG

Jadi-nya, apabila awda telah selesai sembahyang fardhu yang lima maka awda bertasbih (menguchapkan سُبْحَانَ الله) **tiga** puloh tiga kali; dan bertahmid (menguchapkan الحَمْدُ لله) tiga puloh tiga kali; dan bertakbir (menguchapkan الله أَكْبَر) tiga puloh tiga atau tiga puloh empat kali. Atau sekurang2-nya awda bertasbih sa-puloh kali; dan bertakbir sa-puloh kali.

Kemudian awda berdo'a apa jua do'a yang munasabah dengan awda dan hajat awda. Sa-baik2-nya awda mohon daripada Allah Ta'ala 'afiat di-dunia dan di-akhirat bagi diri awda, bagi diri ahli rumah awda, bagi harta awda; dan mohon ampunkan dosa2 awda, ibu bapa awda, anak2 awda, kerabat2 awda dan orang2 Islam sekalian, ia-itu saperti:

اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدِّيْنِ وَالدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَاجْمَعْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ أَحْبَابِنَا فِي دَارِ كَرَامَتِكَ بِفَضْلِكَ وَرَحْمَتِكَ.

— (di-petek dari kitab At-Tibyan karangan Al-Imam An-Nawawi). Erti-nya: "Allahumma ya Allah! Kami mohon daripada Tuhan hamba akan keampunan dan 'afiat dalam ugama kami, dunia kami, akhirat kami, dan mohon himpunkan kami dan segala orang yang kami kasehi dalam shurga rumah tempat kemuliaan Tuhan hamba, dengan kemurahan Tuhan hamba, dan dengan limpah rahmat Tuhan hamba."

Itu-lah sekurang2 zikir dan do'a awda sa-lepas sembahyang fardhu. Zikir yang panjang boleh-lah awda ambil daripada 'ulama dan guru2 yang mengerti. Bukan sebarang guru atau sebarang orang, kerana mungkin orang2 itu menyesatkan awda dengan sebab tuhor — jahil ilmu mereka atau dengan sebab bid'ah yang memang ada dalam diri mereka.

DO'A NABI

Satu dari beberapa do'a Nabi (salallahu 'alaihi wasallam) saperti yang di-sebutkan oleh Al-Imam Al-Jazari ia-lah:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْلِيْ وَارْحَمْنِيْ وَعَافِنِيْ وَارْزُقْنِيْ وَاهْدِنِيْ

Erti-nya: "Allahumma ya Allah! Mohon ampunkan hamba, mohon beri rahmat kapada hamba, mohon 'afiatkan hamba, mohon beri rezeki kapada hamba, dan mohon beri hidayat petunjok kapada hamba".

Satu do'a yang selalu di-bacha oleh Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) dalam sebarang keadaan ia-lah:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Erti-nya: "Ya Tuhan kami! Mohon berikan kami di-dalam dunia suatu kebajikan, dan mohon berikan kami dalam akhirat suatu kebajikan, dan mohon lindongi kami dari api neraka."



MEMANG-NYA ayam jantan berkukok, tetapi bukan sa-panjang waktu. Hanya pada waktu2 dan keadaan2 yang tertentu sahaja, ia berkukok dan pada masa ia berkukok itu-lah di-antara waktu2 yang mustajab berdo'a.

TIADA BERKAT

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim (kedua2 kitab Hadith Bukhari dan Muslim ada-lah sa-benar2 kitab sa-lepas Al-Kor'an) daripada Sahabat Abi Talhah (radhiallahu 'anhu) bahawa Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) bersabda:

لَا تَدْخُلُ الْمَلَائِكَةُ بَيْتًا فِيْهِ كَلْبٌ وَلَا صُوْرَةٌ

Erti-nya: "Malaikat rahmat yang membawa berkat dan yang memohonkan ampun bagi sa-seorang dan yang menolong sa-seorang itu pada berbuat ta'at tiada masok ka-dalam sa-sebuah rumah (atau tempat) yang ada pada-nya sa-ekor anjing dan ada pada-nya sa-suatu gambar". Yakni: rumah atau tempat yang ada pada-nya anjing atau gambar tiada akan mendapat sa-suatu berkat dan pertolongan daripada malaikat rahmat yang bersiar2 mengalu2kan orang2 berzikir dan berdo'a.

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Muslim daripada Sahabat Abu Hurairah (radhiallahu 'anhu) bahawa Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) telah bersabda:

لَا تَصْحَبُ الْمَلَائِكَةُ رُفْقَةً فِيْهِ كَلْبٌ أَوْ جَرَسٌ

Erti-nya "Malaikat rahmat tiada mengiringi suatu kumpolan yang sama2 dalam perjalanan yang ada pada kumpolan itu anjing atau locheng bersama2 mereka."

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dengan isnad yang sahih (betul menurut sharat Al-Imam Muslim) daripada Sahabat Abu Hurairah (radhiallahu 'anhu) daripada Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) telah bersabda:

الْجَرَسُ مِنْ مَزَامِيْرِ الشَّيْطَانِ

Erti-nya: "Locheng itu suatu alat bunyi2an shaitan", Yakni: malaikat rahmat tiada mengiringi dan tiada mengalu2kan, jika pada suatu tempat ada locheng2 di-bunyikan.

Oleh yang sa-demikian, jangan-lah di-champorkan zikir2 Allah dan bachaan2 Al-Kor'an dan do'a2 dengan bunyi2an dan alat2 bunyian, dan berchampor gaul lelaki — perempuan, dan berzapin tari2an. Maka perbuatan itu bid'ah dan sesat serta dayus, dan meniru kelakuan orang2 Yahudi, Nasrani, orang2 Hindu dan Majusi ketika mereka beribadat membunyikan alat2 nyanyian. Meniru kelakuan orang2 kafir dalam perkara itu ada-lah di-tegah, haram dan sesat.

Ini di-sebutkan oleh Al-Imam As-Shafi'e dalam bab adabul qadhi dari kitab Al-Um, dan di-sebutkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi dalam kitab Manaqib Al-Imam As-Shafi'e, dan Ibnu Hajar dalam Kaffur Ra'ai 'An Muharramatil Lahwi Wassama'i, juga dalam kitab2 Az-zawajir, Fathul Jawad dan dalam kumpolan fatwa-nya. Dan di-sebutkan juga oleh As-Shihabur Ramli dalam kumpolan fatwa-nya, serta Shaikhul Islam Zakaria Al-Ansari dalam 'Emad Ar-Ridha dan juga oleh Al-Allamah As-Sayid Abdullah bin Omar bin Yahya dalam fatwa-nya.

BID'AH

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Hajar dalam kitab Bulughul Muram daripada Al-Imam Muslim daripada Sahabat Jabir bin Abdullah (radhiallahu 'anhuma) daripada Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) bersabda:

أَمَّا بَعْدُ فَإِنَّ خَيْرَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللّٰهِ وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ وَشَرَّ الْأُمُوْرِ مُحْدَثَاتُهَا وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ

Dan daripada Al-Imam An-Nasa'ie daripada sahabat Jabir daripada Rasulullah:

وَكُلَّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ

Erti-nya: "Ada pun kemudian daripada itu, bahawa sa-baik2 perchakapan ia-lah Kitab Allah—Al-Kor'an. Dan sa-baik2 petunjok ia-lah petunjok Nabi Muhammad. Dan sa-jahat2 perkara ia-lah perkara2 yang di-reka2 dalam Islam. Dan segala perkara yang di-reka2 dan bid'ah itu ia-lah sesat. Dan segala perkara yang sesat itu membawa masok dan bertempat di-neraka."

Oleh itu, do'a yang di-champor — adok dengan bid'ah dan sesat serta maksiat dan larangan Allah tidak-lah akan di-terima. Firman Allah Ta'ala dalam surah Al-Ma'idah ayat 30:

إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللّٰهُ مِنَ الْمُتَّقِيْنَ.

Tafsir-nya: "Bahawa Allah Ta'ala hanya akan menerima ta'at, amal, do'a dan zikir daripada orang mu'min yang takutkan Allah, ia-itu yang menjauhkan diri dari maksiat, dosa, bid'ah dan perkara2 sesat (di-ambil dari tafsir Al-Baidhawi).

*WALLAHU A'ALAM*




# ZAKAT PERLU DI-KELUARKAN MENURUT KETENTUAN SHARA'

ZAKAT ada-lah salah satu rukun Islam yang lima. Ia mempunyai tujuan supaya umat Islam saling tolong-menolong satu sama lain, tegas-nya di-antara golongan berada dan mampu dengan orang2 miskin dan melarat. Dalam Al-kor'an, perintah menunaikan zakat selalu di-rangkaikan dengan perintah menunaikan sembahyang. Ini menunjokkan bahawa kesempurnaan keimanan dan keIslaman sa-seorang itu, bukan sahaja dalam menunaikan ibadat sembahyang, puasa dan haji, bahkan juga hendak-lah menunaikan membayar zakat jika telah memenohi sharat2-nya.

Membayar zakat ada-lah Wajib atas orang Islam yang telah chukop sharat2-nya. Pemberian zakat itu di-lakukan tiap2 tahun dari harta kekayaan yang telah sampai nisab atau kadar-nya, dan harta itu telah di-mileki dalam masa chukop sa-tahun. Mithal-nya kita mempunyai wang sa-banyak sa-ribu ringgit dan wang itu kita simpan. Apabila wang itu telah sampai sa-tahun dalam simpanan, maka wajib-lah kita membayar zakat-nya sa-banyak dua sa-tengah peratus (2½) dari wang itu, tegas-nya sa-banyak $25.00.

Zakat itu wajib-lah kita tunaikan kapada golongan2 yang berhak menerima ia-itu orang2 fakir dan miskin. Amil2 yang menguruskan, mengumpol dan membahagikan zakat itu, mualaf, hamba yang di-merdekakan, orang yang berhutang berjuang pada jalan Allah dan Ibni Sabil.

Orang2 itu-lah yang berhak menerima zakat. Dan jika sa-kira-nya zakat di-berikan kapada orang2 sa-lain daripada gulongan di-atas, maka itu ada-lah bertentangan dengan ketentuan shara'.

Di-negeri ini kadang2 di-dapati ada di-antara kita yang menunaikan zakat harta/wang kapada para jemputan di-majlis kenduri aruah dan majlis do'a selamat kerana hendak menunaikan haji dan yang sa-umpama-nya. Chara pembayaran zakat yang saperti ini susah hendak di-pastikan menepati perintah shara', kerana zakat itu hanya wajib di-berikan kapada golongan2 yang telah di-sebutkan sa-bagai asnaf, jadi, dapat-kah kita meyakini bahawa para jemputan yang hadhir di-dalam majlis itu ada-lah semua-nya dalam golongan orang yang berhak menerima zakat. Kalau tidak, tentu-lah pemberian zakat itu tidak sah kerana ia di-berikan kapada orang yang bukan berhak menerima-nya.

Sebab itu kalau sukar bagi kita mendapati orang yang berhak menerima zakat itu, maka zakat itu boleh-lah kita serahkan kapada bahagian Baitul Mal dan zakat, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, yang menguruskan wang atau harta itu untok di-bahagi-bahagikan kapada mereka yang berhak menerima-nya.

Zakat bererti menyuchikan dan menunaikan, bererti mensuchikan harta — benda dari orang2 mampu dan kaya. Firman Allah yang bermaksud: *"Ambil-lah dari harta benda mereka, zakat untok membersihkan mereka dan mensuchikan mereka dengan zakat itu"*.

Pemberian zakat ada-lah sa-bagai perintah shukor dan terima kaseh kapada Allah Ta'ala yang menganugerahkan rahmat dan nekmat-Nya. Ia dapat membersihkan jiwa kita dari sifat2 bakhil, kikir dan tamak haluba. Sa-balik-nya ia menanamkan dalam diri kita untok menjadi dermawan, pemurah dan tidak mementingkan diri sendiri, serta melateh diri berdisiplin dalam menunaikan kewajipan dan amanah kapada orang2 yang berhak.

Di-antara harta yang wajib di-tunaikan zakat-nya ia-lah, harta kekayaan ia-itu emas perak dan wang, barang dagangan, binatang ternakan ia-itu kerbau, sapi, kambing, dan unta, hasil pertanian ia-itu gandum, beras, jagong dan lain2

Sharat2 wajib zakat harta-benda itu ia-lah hendak-lah harta itu kepunyaan sendiri, harta itu menchapai nisab atau kadar mengikut ketentuan shara', dan nisab harta itu sudah di-mileki dalam tempoh satu tahun. Apabila harta itu sudah maka wajib-lah di-keluarkan zakat-nya. Siapa yang tidak menampakkan harta-nya atau membayar zakat maka mereka akan mendapat siksaan Allah, firman Allah Ta'ala yang bermaksud: *"Dan mereka yang menyimpan emas dan perak (harta kekayaan), dan tidak menafkahkan-nya ...kapada jalan Allah, maka peringatkan-lah kapada mereka, bahawa mereka akan mendapat siksaan yang pedeh"*.

*(At-Taubah ayat 34)*

# HIDUP BERJIRAN PERLUKAN PERPADUAN

KEHIDUPAN berjiran ada-lah suatu perkara yang tidak dapat di-elakkan dalam chara penghidupan masharakat. Sa-benar-nya terlalu banyak peringatan telah di-berikan melalui ayat2 Al-Kor'an dan hadith Rasulullah s.a.w. yang berhubong dengan masaalah manusia yang tidak mungkin hidup bersendirian di-dunia ini. Ini ada-lah di-sebabkan oleh kemestian kita masok ka-dalam lingkongan persatuan atau ugama sa-hingga merasa diri kita tidak terpisah dari persamaan.

Perkara yang sa-umpama ini telah terjadi di-zaman Rasulullah s.a.w. sa-ketika Baginda memulai perkembangan Ugama Islam yang suchi. Manakala saja Baginda berhijrah dari Mekah ka-Madinah, pertama-tama-nya yang Baginda titek beratkan ia-lah perpaduan. Ini ada-lah bertujuan untok mengeratkan persaudaraan antara orang2 Muhajirin dan Ansar. Sa-telah terikat persaudaraan yang kukoh, maka baru-lah kemenangan demi kemenangan berjaya di-perolehi oleh umat Islam dalam perjuangan mereka. Dengan jalan demikian wujud-lah sa-buah masharakat yang besar dan bersatu-padu yang kira-nya tidak akan hilang daripada kenangan sejarah.

Sa-belum kita menchapai keutohan dalam sa-buah masharakat yang besar dan luas, maka ada-lah mustahak untok di-ambil perhatian tentang pengukohan terlebeh dahulu kelompok2 masharakat yang kechil. Ini ada-lah mustahak kerana untok menjadikan sa-buah bangunan itu kukoh binaan-nya, mesti-lah di-kukohkan dulu asas pembangunan-nya. Begitu-lah juga hal-nya dengan kita, hendak-lah pertama-tama-nya di-kukohkan kelopok kechil dalam masharakat itu, ia-itu kehidupan yang berjiran antara sa-seorang dengan sa-seorang yang lain.

Dalam kehidupan sa-hari2 perlu-lah sa-seorang itu menghormati dan memuliakan tetangga-nya, sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Abi Hurairah yang bermaksud: *"siapa yang beriman kapada Allah dan hari akhirat, maka berkata-lah dengan baik atau diam-lah, siapa yang beriman kapada Allah dan hari akhirat, hendak-lah ia memuliakan tetangga-nya dan siapa yang beriman kapada Allah dan hari akhirat, maka muliakan-lah tetamu-nya"*. Yang demikian maka salah satu penerangan dari hadith itu ada-lah menitek-beratkan tentang menghormati jiran tetangga sa-bagai salah satu unsor keimanan terhadap Allah dan hari kiamat.

Menghormati jiran tetangga ada-lah penting untok mengwujudkan sa-buah masharakat yang bersatu-padu, saling bantu-membantu dan bersafahaman dalam segala bidang pekerjaan. Sa-seorang itu kerap kali akan menghadapi satu pekerjaan yang sukar untok di-lakukan sa-orang diri, maka oleh sebab itu-lah ia memerlukan tenaga yang ramai dari jiran tetangga-nya bagi melaksanakan kerja tersebut. Dan ini kita kenali sa-bagai 'memuchang-muchang'. Sikap dan semangat ini akan meringankan pekerjaan yang sukar, di-samping mengeratkan dan mengukohkan perpaduan masharakat.Tetapi suasana akan berubah chorak jika perasaan hormat-menghormati dan bantu-membantu tidak wujud dalam jiwa masharakat yang berjiran itu.

## Bingkisan minggu ini

Untok mengwujudkan perasaan muhibbah antara masharakat yang berjiran itu, maka sa-tiap orang hendak-lah tahu menjaga kepentingan dan memahami kesusahan tetangga-nya. Perbuatan yang hanya sa-mata2 mengukor kapada keseronokan diri sendiri tanpa memperhitongkan kesusahan orang lain harus-lah di-singkirkan sama sekali. Ini ada-lah di-sebabkan sa-tiap perbuatan yang mengganggu ketenteraman orang lain itu pasti akan menimbulkan akibat yang tidak baik atau sa-kurang2-nya perasaan tidak puas hati di-kalangan jiran tetangga.

Orang harus tidak akan berani membuat teguran jika jiran-nya membuat sa-suatu yang tidak manis di-pandang mata dan tak sedap di-dengar telinga, kerana memandang perkara yang tidak di-ingini mungkin akan timbul. Apa-tah lagi barangkali jika jiran-nya itu kebetulan orang yang singkat pemikiran-nya dan lekas meradang apabila saja terusik sedikit, sedangkan kesalahan sa-benar-nya terletak pada diri-nya. Oleh yang demikian pertimbangan akal manusia sa-sungguh-nya dapat memutuskan di-mana letak-nya keadilan yang harus di-ikuti. Jua mesti-lah merasa apa yang orang lain rasa, agar dengan itu nanti akan lahir-lah sa-buah masharakat yang besar dan bersatu-padu.

Maka pada akhir-nya ada-lah perlu untok menjadi ingatan kapada kita tentang sa-buah hadith Nabi yang bermaksud: *"Barangsiapa yang menyakiti tetangga-nya Allah akan merampas rumah-nya"*.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 31hb Oktober, 1979 hingga ka-hari Selasa 6hb Nobember, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 31hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 1hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.21 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 2hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.21 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 3hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.21 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 4hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.21 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 5hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.21 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 6hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.22 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Dua orang lagi memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang lagi saudara baru telah memelok Ugama Islam dalam dua majlis pengIslaman yang berasingan.

Bertempat di-Pejabat Hal Ehwal Ugama di-sini sa-orang gadis Dusun Dayang Lawai berumor 27 tahun dan berasal dari Limbang, Sarawak telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Dayang Fatimah bte Abdullah.

Sementara bertempat di-rumah Awg Hj Ghani bin Mohammad di-Kampong Saba Tengah, Kampong Ayer, Ludi bte Sapih berusia 18 tahun juga gadis Dusun berasal dari Kampong Rambai, Tutong telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Dyg Norwidawate bte Abdullah.

Kedua-dua majlis pengIslaman itu telah di-laksanakan oleh YDM. Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Hj Ismail bin Mat Serudin.

## KETETAPAN HARGA KERETA DATSUN

UNTOK panduan dan ma'aloman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini, bahawa Pengawal Harga baru2 ini telah bersetuju menurunkan harga2 kereta di-dua sharikat ia-itu SHARIKAT TANG CHING YING yang berjual kereta jenis Datsun dan GOH HOCK KEE MOTOR yang berjual kereta jenis Daihatsu dengan susunan harga2 saperti berikut di-bawah ini : —

| JENIS KERETA (*Type of Cars*) | HARGA JUALAN (*Showroom Selling Price*) | | HARGA JUALAN PENOH (*Selling Price On The Road*) | |
|---|---|---|---|---|
| | LAMA (*Old*) | BARU (*New*) | LAMA (*Old*) | BARU (*New*) |
| DATSUN 120A SEDAN Model: N10UD3 Radio, radial tyres, disc brake and wheel ring, rear defroster, front safety belts, console box, clock and cigarette lighter | $ 9,735.00 | $ 9,350.00 | $10,151.00 | $ 9,766.00 |
| DATSUN 120A COUPE Model: KN10UD3 Radio, radial tyres, console box, disc brake, rear defroster, front safety belts and clock | $10,050.00 | $ 9,600.00 | $10,483.00 | $10,033.00 |
| DATSUN 140J SEDAN Model: A10UD Radio, disc brake and console box | $11,200.00 | $10,650.00 | $11,655.00 | $11,105.00 |
| DATSUN 160J SEDAN Model: PA10UDC Air-condition, radio, console box and disc brake | $12,700.00 | $12,250.00 | $13,194.00 | $12,744.00 |
| DATSUN 160J SSS SEDAN Model: PA10GKUC Air-condition, radio, console box and disc brake | $13,725.00 | $13,150.00 | $14,277.00 | $13,702.00 |
| DATSUN 160J SSS COUPE Model: KPA 10GKUC Air-condition, radio, console box and disc brake | $14,410.00 | $13,850.00 | $14,962.00 | $14,403.00 |
| DATSUN 160J STATION WAGON. Model: WPA10DU Console box and disc brake | $12,050.00 | $11,700.00 | $12,545.00 | $12,145.00 |
| DATSUN 180K SEDAN Model: PC210DU Radio, cassette and console box | $15,274.00 | $13,640.00 | $15,814.00 | $14,191.00 |
| DATSUN 240K GT SEDAN Model: MG C210 VFUCLI Air-condition, radio, cassette, power steering and almi wheel | $19,800.00 | $19,000.00 | $20,456.00 | $19,656.00 |
| DATSUN 240K GT SEDAN (AUTO) Model: MGC210VAUCLI Air-condition, radio, cassette, console box, power steering and almi wheel | $20,800.00 | $19,700.00 | $21,473.00 | $20,373.00 |
| DATSUN 280 ZX 2 + 2 Model: HGS130UBC Air-condition, radio, cassette, radial tyres and side mirror | $26,700.00 | $25,600.00 | $27,682.00 | $26,582.00 |
| DATSUN 280 ZX 2 + 2 (AUTO) Model: HG S130 AUBC Air-condition, radio, cassette, console box, almi wheel etc. | NIL | $26,200.00 | NIL | $27,183.00 |
| DATSUN C20 WINDOW VAN Model: BC 120 SVUW | $10,500.00 | $10,130.00 | $11,015.00 | $10,605.00 |
| DATSUN C20 STATION WAGON Model: KPC 120 SU | $11,200.00 | $10,560.00 | $11,606.00 | $11,045.00 |

## KERETA DAIHATSU

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| DAIHATSU 1200 CC STATION WAGON Model: A 10 RVD Clock, radio, blower and safety belts | $11,334.00 | $ 9,750.00 | $11,750.00 | $10,174.00 |
| DAIHATSU SEDAN HI-CUSTOM Model: A 20 RKG (1400 cc) Radio, clock, blower, console box and safety belts | $10,900.00 | $10,070.00 | $11,330.00 | $10,500.00 |
| DAIHATSU 1600 CC SEDAN Model: A 40 RKL Clock, radio, blower and safety belts | NIL | $10,400.00 | NIL | $10,831.00 |
| DAIHATSU 1600 CC SEDAN Model: A 40 RKL (5-speeds) Radio, clock, blower and safety belts | NIL | $10,700.00 | NIL | $11,131.00 |
| DAIHATSU 1600 CC SEDAN (A/COND) Model: A 40 RKL Radio, clock, safety belts and air-condition | NIL | $11,800.00 | NIL | $12,241.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga2 kereta yang di-tunjokkan di-setiap buah kereta yang ada di-bilek pameran (showroom) tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak yang berkuasa Pengawal Harga ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen penjual kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga2 kereta yang telah di-tetapkan itu.

# Memasoki pergerakan pengakap dapat membentok sa-seorang penoh disiplin

GADONG. — Ketua Yunit Peranchang, Kajian dan Bimbingan, Dayang Misli bte Haji Awang menekankan bahawa dengan memasoki pertubohan pengakap ia-nya boleh melateh dan membimbing sa-orang kaarah berdisiplin dan berbudi pekerti yang berguna kapada diri-nya dan masharakat.

Beliau menambah bahawa pergerakan pengakap ada-lah pertubohan yang dapat menyediakan ahli2-nya dengan kegiatan2 yang berfaedah di-mana masa lapang sa-orang akan dapat di-isikan dengan lebeh berkesan.

Beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Jambori Pengakap di-Udara kali yang ke-22 yang di-adakan di-Ibu Pejabat Pengakap di-sini pada hari Sabtu lalu, bagi pehak Pengarah Pelajaran, Dayang Misli seterus-nya menekankan bahawa dengan menchantumkan diri dengan pertubohan pengakap dan pandu puteri segala gejala dan pengaroh yang tidak di-ingini akan dapat di-hindarkan dan di-atasi.



DAYANG Misli beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Jambori Pengakap Di-udara pada minggu lalu.

Menyentoh tentang perkembangan pengakap di-negeri ini, Dayang Misli berkata bahawa ia-nya adalah merupakan satu pertubohan yang berfaedah kapada masharakat, bangsa dan tanah ayer sesuai dengan slogan pengakap yang berbunyi "Selalu Sedia Untok Berbakti".

Walaupun penubohan pengakap dan pandu puteri tidak di-wajibkan di-sekolah2 tetapi ia-nya sangat di-galakan oleh Jabatan Pelajaran untok di-jadikan sabagai salah satu kegiatan luar sekolah, ujar Dayang Misli lagi.

Oleh yang demikian katanya seruan serta galakan saperti itu patut-lah di-ambil inisiatif oleh guru2 sekolah di-seluroh negeri walaupun ia-nya tidak dipaksa.

Menyentoh dengan jambori di-udara pada hari itu, Dayang Misli mensifatkan ia sangat-lah berguna kapada pengakap di-negeri ini untok merapatkan tali silaturrahim dengan pengakap2 dan pandu puteri di-negara2 lain.

Dengan ada-nya perhubongan saperti ini ia-nya memberikan peluang kapada pengakap2 dan pandu puteri di-negeri ini untok bertukar2 fikiran dengan pengakap2 di-negara2 lain untok meluaskan pengetahuan.

Perhubongan saperti ini patut-lah di-luaskan lagi bukan sahaja sa-takat perhubongan radio bahkan dengan chara2 yang lain saperti surat menyurat, pertukaran makalah, projek2 lawatan dan sa-umpamanya, jelas Dayang Misli.

Dayang Misli juga berharap kapada pemimpin2 pengakap2 supaya akan berusaha dengan lebeh giat dan memajukan serta memperkembangkan pertubohan pengakap dan pandu puteri di-seluroh negeri.

Lebeh dari 200 orang anggota pengakap, pandu puteri dan anak serigala di-negeri ini turut mengambil bahagian di-jambori yang di-adakan sa-lama dua hari itu.

Jambori pengakap di-Udara kali yang ke-22 dan kali yang ke-empat Brunei mengambil bahagian itu telah di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dan di-kelolakan oleh Persekutuan Pengakap Negeri Brunei.

Turut beruchap di-jambori tersebut termasok-lah Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Pengiran Ali Hassan bin DSLJ Pengiran Haji Abas selaku wakil Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan.

# Pemuda2 di-pelawa memasoki pasokan Pulis Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Pulis Diraja maseh lagi mengkehendaki pemuda2 untok diambil berkhidmat dengan pasokan itu sa-bagai anggota pulis.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latehan salama enam bulan di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara dalam pertengahan bulan Disember, 1979.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, sama ada maseh bujang atau pun sudah beristeri. Umor di-antara 18 dan 28 tahun dan tinggi sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi serta berbadan sehat. Kelayakan pelajaran yang maksima untok memasoki lapangan tersebut ia-lah Darjah VI Melayu atau Inggeris.

Gaji permulaan sa-bagai rekrut ia-lah $325.00 sabulan di-tambah $100.00 sa-bagai alaon. Sa-telah menamatkan latehan dengan jaya-nya, gaji permulaan dan alaon di-naikkan kapada $525.00.

Pemuda2 yang ingin memohon jawatan itu hendaklah hadhir untok di-temuduga pada tarikh dan tempat saperti di-bawah : —

Di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada 5hb Nobember dan sekali lagi pada 12hb dan 13hb Nobember, 1979. Tiap2 temuduga akan di-adakan pada jam 8.00 pagi dan 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Tutong pada hari Rabu 7hb Nobember mulai jam 8.00 pagi dan di-Balai Pulis Lamunin pada hari yang sama mulai jam 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Kuala Belait pada hari Khamis 8hb Nobember mulai jam 8.00 pagi dan di-Balai Pulis Seria pada hari yang sama mulai jam 2.00 petang.

Temuduga bagi pemohon2 di-Daerah Temburong akan di-adakan di-Balai Pulis Bangar pada 10hb Nobember mulai jam 9.00 pagi.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 31HB OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 STAR TREK — "That Which Survives"
Kirk dan Dr. McCoy terdampar di-sa-buah planet asing yang kering kuntang. Mereka menghadapi kelaparan dan sa-orang musoh wanita yang penoh misteri.

6.09 AZAN MAGHRIB

6.13 STAR TREK — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 BEWITCHED — "I Don't Want To Be A Toad"
Di-sekolah tadika, Tabatha memenohi kehendak sa-orang rakan-nya untok menjadi kupu2.

7.23 AZAN ISHA

7.27 BEWITCHED — sambongan

7.40 FLAMBARDS —
Kematian Uncle Russell, di-ikuti pula dengan kematian Sandy dalam satu kemalangan udara meninggalkan kesan yang mendalam pada Christina dan William.

8.30 WARTA BERITA

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 TAKBIR HARI RAYA HAJI

9.20 GAMBUS (ulangan)

10.00 DOKUMENTARI : Fardhu Haji di-Kota Mekah

11.00 INTERNATIONAL SOCCER : Austria vs. Norway

12.00 TAKBIR HARI RAYA HAJI

12.15 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 1HB NOB.

PETANG

3.00 PEMBUKAAN

3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

3.14 SUSUNAN RANCHANGAN

3.15 SELAMAT HARI RAYA LAI (ulangan)

4.35 7th BOOK OF WORLD RECORDS

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 BIG BLUE MARBLE

6.07 AZAN MAGHRIB



BINTANG pujaan ramai Barry Newman sa-bagai Petrocelli dalam siri dengan tajok yang sama. Temui-lah dia dalam episod yang berjodol "Fallen Idol" pada hari Isnin jam 7.40 malam.

6.11 BIG BLUE MARBLE — sambongan

6.30 NOBODY'S HOUSE

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HIDAYAT

7.21 AZAN ISHA

7.25 HIDAYAT — sambongan

7.40 HIGH CHAPARRAL — "The Hair Hunter"
Pembunohan bagi mendapatkan kepala orang2 Apache merosakkan keamanan di-antara orang2 Cannons dan Indian.

8.30 WARTA BERITA

8.45 DOKUMENTARI : Batu Marang

9.20 AIDIL-ADHA SPECIAL

9.50 TAYANGAN GAMBAR MELAYU

11.50 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 2HB NOB.

PETANG

3.00 PEMBUKAAN

3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

3.14 SUSUNAN RANCHANGAN

3.15 PUSPARAMA

4.05 UNICEF SPECIAL "A Gift of Song"

5.30 FAMILY CLASSICS— "Swiss Family Robinson"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan

6.30 FAMOUS FIVE — "Five are Together Again" Bahagian II
Masaalah2 timbul bagi kelima2 orang kanak2 ini apabila sa-buah Sarkis di-dirikan berdekatan dengan rumah Hayling dan satu pengembaraan bermula tatkala beberapa buah nota paling rahsia hilang dari bilek sa-orang professor.

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE GOOD LIFE — "Suit Yourself"
Chiptaan keluarga Good telah selesai. Jerry ada-lah sa-orang chalon pengarah di-firma-nya.

7.21 AZAN ISHA

7.25 THE GOOD LIFE — sambongan

7.40 THE OSMOND FAMILY SHOW

8.30 WARTA BERITA

8.45 MAGIC, MAGIC, MAGIC Host Harry Blackstone Jr.

9.30 HAWAII FIVE 'O' — "Termination With Extreme Prejudice"

10.20 THRILLER — "Only A Scream Away"

11.30 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 3HB NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 KUM KUM — "Search For A Student"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SESAME STREET

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 SESAME STREET — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOKUMENTARI MELAYU — "Vanishing Africa" Bahagian 2
Perjuangan untok hidup di-kehidupan liar Afrika yang mengkagumkan ini di-perlihatkan dengan dramatik sekali dalam siri ini.

7.21 AZAN ISHA

7.25 DOKUMENTARI MELAYU — sambongan

7.40 LIFELINE

8.30 WARTA BERITA

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 KAZ —
Sa-orang pemuda bekas banduan belajar untok menjadi peguam ketika di-penjara, dan dari pengalaman2 jenayah yang lampau di-gunakan pula untok kes pertama-nya.

9.55 BIG LEAGUE SOCCER

10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU : "Magnificent Hustle"

12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 4HB NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 HANDUL OF SONGS

5.45 OSCAR AND THE GREAT WOOFERO

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 THE GREEN HORNET

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 THE GREEN HORNET — sambongan

6.30 SCIENCE INTERNATIONAL

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MIXED BLESSINGS — 'Your Place or Mine"

7.21 AZAN ISHA

7.25 MIXED BLESSING — sambongan

7.40 THE INCREDIBLE HULK — "Like A Brother"
Banner terperangkap dalam satu perbuatan berbalas2 tembakan tatkala sa-orang penagih dadah chuba melenyapkan sa-orang pensharah yang memulihkan penagih2 dadah.

8.30 WARTA BERITA

8.45 MARI BAIBUN

9.30 FROM HERE TO ETERNITY —
Prewitt mendapat tahu bahawa dalam masa ketiadaan-nya Col Holmes telah di-tukarkan. Berita ini di-alu2kan tetapi dia maseh perlu menyelesaikan sa-suatu dengan Judson.

11.00 THE NEXT STEP BEYOND — "Ghost Town"
Sa-orang jurugambar sa-buah majallah membawa sa-orang pergawati muda yang jelita ka sa-buah bandar berhantu yang terpenchil bagi satu siri pengambilan gambar2 feshen.

11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 5HB NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 PERUBATAN

7.21 AZAN ISHA

7.25 PERUBATAN — sambongan

7.40 PETROCELLI — "The Fallen Idol"
Petrocelli di-panggil untok membela pujaan-nya waktu sekolah dulu apabila sa-orang juara yang hampir menamatkan kerjaya-nya dalam bidang tinju di-tudoh memukul pengurus-nya dan apabila ia mati, di-tudoh pula membunoh.



AGNES Moorehead sa-bagai Endora, ibu mertua yang angkoh dalam siri komidi BEWITCHED. Awda akan dapat menyaksikan-nya dalam episod malam ini berjodol "I Don't Want To Be A Toad, I Want To Be A Butterfly" pada jam 7.10 malam.

8.30 WARTA BERITA

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 VEGAS

9.55 POLDARK — Bahagian ke-tujoh.
Demelza bersedia untok memahami perasaan chemburu Ross yang meluap2 hingga-lah Jud tersilap dengan menyatakan bahawa ia sendiri menyaksikan pertemuan di-antara Ross dan Elizabeth.

10.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 6HB NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 VISION ON

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 VISION ON — sambongan

6.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Mad New Ruler Of Spectra"

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 SERIKANDI

7.22 AZAN ISHA

7.26 SERIKANDI — sambongan

7.40 FLYING HIGH — "In The Still Of The Night"
Lisa kembali ka-tempat asal-nya sa-masa kechil dahulu dan mendapati dirinya menjalin hubongan mesra dengan Martin Kent, sa-orang jutawan 30 tahun lebeh tua dari-nya.

8.30 WARTA BERITA

8.45 ARENA SOKAN

9.25 DOCUMENTARY : WORLD ABOUT US "The Great Turtle Mystery"
Filem ini memperlihatkan gambar sungguh dramatik tempat bertelor yang terbesar dan seterus-nya serangan terhadap kura2, dan juga filem yang jarang2 di-lihat dalam pemburuan dan eksploitasi kura2 hijau di-Costa Rica dan Nicaragua.

10.15 KOJAK— "May The Horse Be With You"
Kojak mendapati diri-nya menghadapi satu kes luarbiasa yang melibatkan sa-orang pegawai pulis yang bersara siapa yang di-pukol tatkala chuba menghalang penchurian ka-atas sa-ekor kuda lumba, sedangkan kuda itu di-simpan sa-chara haram di-bangsal rumput kering kuda N.Y.P.D.

11.05 SIARAN TAMAT.



DAYANG Jauyah Haji Jaya sedang menjalankan kerja2 'dubbing' ranchangan Gambus Aidil-Adha yang akan di-siarkan pada Hari Raya Haji ini. Ranchangan ini mengandongi beberapa buah lagu dari penyanyi2 Nuru — Sa'adah Singapura yang telah di-rakam di-RTB.

## KUGIRAN/PANCHARAGAM TANAH AYER

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei, mempelawa pemimpin/Ketua, Kugiran/Pancharagam untok membuat rakaman di-Studio Radio Brunei/Kuala Belait. Awda di-kehendaki mengisikan Borang yang di-sebutkan di-bawah ini. Dan alamatkan kapada Penerbit Kugiran/Pancharagam, Bahagian Melayu Radio Brunei, Brunei.

NAMA PEMIMPIN/KETUA : ....................................................

NAMA KUGIRAN/PANCHARAGAM: ........................................

NAMA AHLI2 : ....................................................................

ALAMAT : ...........................................................................

No. TALIPON : ....................................................................

TARIKH : ..................................

Tanda Tangan Pemimpin/Ketua

..................................................



DAYANG Saloma Mahmud, sedang membuat temuramah dengan Dayang Hajjah Marhani bte Abd. Latif, selaku pengerusi Peraduan Pameran Kerja Tangan Wanita, sempena menyambut Tahun Hijrah 1400. Temuramah tersebut telah di-siarkan pada hari Ahad lalu, dalam ruangan Dunia Wanita.

# SIARAN HARI RAYA

RADIO Brunei akan mengadakan siaran tambahan pada Hari Raya Haji ini mulai dari jam 2.00 hingga 5.00 petang. Dengan itu siaran Melayu ka-udara dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam. Beberapa buah ranchangan khas telah di-sediakan untok siaran pada Hari Raya Haji itu di-antara-nya ia-lah Lagu2 Gambus, Permintaan Hari Raya Haji, Kenangan Indah Di-Aidil-Adha dan Kuiz Aidil-Adha.

Siaran Melayu pada Hari Raya Haji itu akan di-mulai dengan Takbir yang di-siarkan terus menerus dari Masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan di-mana beribu2 orang Umat Islam di-jangka akan bersembahyang Sunat Aidil Adha.

Dalam ranchangan Lagu2 Permintaan Hari Raya Haji orang ramai boleh meminta lagu di-samping menyampaikan berita atau pertanyaan kapada saudara mara yang jauh mengenai khabar berita ibubapa atau saudara mara yang sedang berada di-tanah suchi, dan apa-kah persediaan2 untok menyambut kepulangan mereka tak lama lagi.

Sa-buah lagi ranchangan yang pertama kali di-perkenalkan di-radio sempena Hari Raya Haji ia-lah Kuiz Aidil-Adha. Dalam ranchangan ini para pendengar akan dapat mengikuti dua buah pasokan berhadapan antara satu sama lain untok merebut kemenangan dalam Kuiz Aidil-Adha ini. Soalan2 Kuiz Aidil-Adha ada-lah berligar pada soal2 haji dan tanah suchi.

Sa-buah lagi ranchangan khas menemui awda di-Hari Raya Haji ini ia-lah Kenangan Indah Di-Aidil-Adha. Dalam ranchangan ini Juruhebah kita bertemuramah dengan Tuan2 Haji dan Puan2 Hajjah mengenai kesah2 manis yang menjadi kenangan sa-masa di-Tanah Suchi dan juga mengadakan temu ramah dengan saudara mara jema'ah haji yang sedang berada di-Mekah mengenai khabar berita mereka.

Dalam ranchangan Gambus pula awda pendengar akan dihiborkan oleh penyanyi2 gambus Nuru-Sa'adah dari Singapura.

## Inter-school Debates

THE Education Department's ninth annual inter-school debating competition among secondary school throughout the state will be over soon.

The English Service of Radio Brunei will be broadcasting the recorded debates from 1.00 to 1.30 pm every Friday. In the first programme this Friday 2nd November, 1979 Sufri Bolkiah English School, Tutong Junior Boys Team will meet their counterparts from Perdana Wazir English School, Kuala Belait.

The topic for discussion is "Education is more valuable than wealth". It is a debatable topic, so don't forget to tune in to the English Service of Radio Brunei this Friday 2nd November at 1.00 p.m.



KUIZ Aidil-Adha salah sa-buah ranchangan khas Radio Brunei yang a
Dalam Kuiz Aidil-Adha ini pasokan Sekolah Ugama Menengah Perempu
temu dengan pasokan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkia

intisari RTB minggu ini



SISWAZ
IBRAHI
Daerah
B.Sc.(H
Tem
awda ik
malam d
tengahar

## Siswazah Brunei



AWANG Lim Sam Lee who graduated from the University of Manchester will be our guest in this week's edition of our programme featuring Brunei Graduates. Awang Lim is now a Duty Engineer with Radio Television Brunei. Brunei Graduates goes on air tomorrow at 12.45 pm and will be repeated on Sunday 4th November at 8.00 pm.



# HAJI



...n di-siarkan pada Hari Raya Haji ini. ...n Raja Isteri Pengiran Anak Damit ber-...



...AH BRUNEI minggu ini ia-lah Awang ...M HJ C A MOHAMED, Jurutera Letrik ...Belait yang berjaya memperolehi ijazah ...onours) dalam bidang Kejuruteraan Letrik. ...mmah kami dengan beliau akan dapat ...i pada 2hb Nobember, 1979 jam 7.30 ...n ulangan-nya pada hari Sabtu jam 1.00 ...

# The Magnificent Hustle tayangan gambar minggu ini

KERANA tertipu sa-banyak $10,000 yang sapatut-nya di-warisi-nya dari bapa tiri-nya, David Kyle yang berusia 15 tahun meranchang untok melarikan diri dari rumah sa-telah mengambil wang dari sabuah keretapi usang yang di-perolehi oleh bapa tirinya sa-chara haram.

Dalam bas menuju kabandar, David di-sertai oleh teman wanita-nya, Elissa Leeds, yang bersunggoh2 mahu melindongi-nya. Dibandar, kedua2 anak belasan tahun ini membeli kereta kerana sa-benar-nya keretapi usang ini mengandongi suku juta ringgit.

Mereka menghadapi satu dilemma; mereka tidak dapat melaporkan mengenai wang itu tanpa menimbulkan masaalah dengan undang2 dan lebeh2 lagi dengan bapa tiri David dan George Hamilton, ketua satu operasi penyeludupan.

Sa-lepas berbelanja2 dan menghadapi berbagai situasi2 yang kurang menyenangkan, mereka meranchang untok membuat sasuatu kegiatan yang hebat —memberi wang kapada mereka yang memerlukannya. Kemurahan mereka ini di-sebarkan dengan meluasnya dan mereka serta merta di-chari oleh orang2 yang ingin mengambil kesempatan di-atas kemurahan hati mereka, undang2, bapa tiri David dan Hamilton.

Kesah yang penoh pengembaraan sa-bagai hiboran yang menyeronokan bagi sa-isi keluarga.

GAMBAR atas kanan menunjokkan beberapa pemandangan dalam tayangan gambar malam minggu.







# Siri Kojak hari Selasa jam 10.15 malam

SIRI Kojak pada minggu ini membawa cherita "MAY THE HORSE BE WITH YOU"

Siri pengintipan kegemaran ramai ini akan dapat di-saksikan pada hari Selasa jam 10.15 malam.

Gambar kanan menunjokkan (kiri ka-kanan) Ralf Madlener, Kevin Dobson dan George Savalas yang turut membintangi siri Kojak dalam episod "MAY THE HORSE BE WITH YOU".



# "Sing No Bad Song" tajok siri Flambards minggu ini

UNCLE Russell terchedera beberapa tahun yang lalu dalam satu kemalangan menonggang kuda tetapi maseh lagi berminat dalam pemburuan dan kuda. Dia melepaskan marah-nya dan perasaan frustrasi-nya pada orang2 disekeliling-nya — anak2, juga orang2 gaji-nya. Apa yang ada pada-nya hanyalah dengan meminum minuman keras dan ikut memburu dari jauh, dan menyaksikan semua ini melalui tindakan2 yang di-buat oleh anak sulong-nya, Mark.

Dalam episod ini, "Sing No Bad Song", kematiannya di-ikuti pula dengan kematian Sandy dalam satu kemalangan udara yang mana meninggalkan kesan yang mendalam pada Christina dan William. Saksikan-lah tayangan-nya saperti biasa pada malam ini jam 7.40 malam.



GAMBAR kiri ia-lah Edward Judd yang berlakun sa-bagai Uncle Russell bapa saudara Christina dalam siri Flambards, yang akan dapat Awda ikuti pada malam ini jam 7.40.

# KETETAPAN HARGA KERETA2 JENIS COLT GALANT DAN COLT LANCER

UNTOK panduan dan ma'aloman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini, Pengawal Harga telah menurunkan harga2 kereta jenis COLT yang mana boleh di-beli dari BORNEO CARRIAGE & TRADING CO. LTD., dengan susunan harga2 saperti berikut di-bawah ini:—

| JENIS KERETA (*Type of Cars*) | HARGA JUALAN (*Showroom Selling Price*) | | HARGA JUALAN PENOH (*Selling Price On The Road*) | |
|---|---|---|---|---|
| | LAMA (*Old*) | BARU (*New*) | LAMA (*Old*) | BARU (*New*) |
| COLT GALANT 1600 GL SEDAN Model: A 121 AJR Clock, radio, seat belts, cigarette lighter, rear defogger, headrests, tinted glass, console box, reclining seats, adjustable steering etc. | NIL | $11,700.00 | NIL | $12,149.00 |
| COLT GALANT COUPE 2000 Model: A 123 ACNGR Radio, cassette player, console box, clock, collapsible steering, seat belts, headrests, carpets etc. | $17,600.00 | $16,250.00 | $18,100.00 | $16,807.00 |
| COLT GALANT SIGMA 1600 CUSTOMS SEDAN Model: A 121 AUR Clock, tinted glass with demister, seat belts, tinted glass, adjustable steering, radio, cigarette lighter, rear defogger, headrests | $13,070.00 | $11,350.00 | $13,565.00 | $11,790.00 |
| COLT GALANT SIGMA 1600 GS SEDAN Model: A 121 ANGSR Clock, radio, seat belts, cigarette lighter, rear defogger, headrests, tinted glass, disc brakes, front console box, reclining seats, adjustable steering etc. | $14,372.00 | $12,450.00 | $14,854.00 | $12,908.00 |
| COLT GALANT SIGMA 200 GLX SEDAN Model: A 123 ANJR Radio, clock, tinted glass, reclining seats, headrests, console box, seat belts, etc. | $15,329.00 | $13,100.00 | $15,929.00 | $13,576.00 |
| COLT CELESTE 1400 ST SPORT Model: A 72 MNUR Radial tyres, radio, clock, front seat belts, reclining seats, front disc brakes booster, rear demister, headrests, console box adjustable steering | $12,179.00 | $11,550.00 | $12,659.00 | $11,988.00 |
| COLT CELESTE 1600 GT SPORT Model: A 73 MNUR Radial tyres, radio, clock, front seat belts, reclining seats, front disc brakes booster, rear demister, headrests, console box, adjustable steering and carpet | $12,951.00 | $12,250.00 | $13,434.00 | $12,699.00 |
| COLT L 200 PICK UP Model: L 021 PFSR Seat belts, light trunk tyres, disc brake (front), headrests and adjustable steering | NIL | $10,750.00 | NIL | $11,273.00 |
| COLT LANCER 1400 DELUXE SEDAN Model: A 172 AJR Radial tyres, rear demister, clock, seat belts, front disc with booster, front headrests, tinted glass, child-proof lock, two front door glove compartment and console box | $11,315.00 | $10,700.00 | $11,785.00 | $11,120.00 |
| COLT LANCER 1600 GSR Model: A 174 ANGR Radial tyres, front seat belts, front and rear headrests, console box, cigarette lighter, day and night rear view mirror, carpet, digital clock etc. | NIL | $11,550.00 | NIL | $12,026.00 |
| COLT 1200 GL 4-DOORS HATCHBACK SALOON Model: A 155 AFUR Front headrests, digital clock, radial tyres, front seat belts, front disc brakes boosters, child-proof lock, reclining seats, radio and tinted glass | NIL | $ 9,800.00 | NIL | $10,189.00 |
| COLT 1400 GLX 4-DOORS HATCHBACK SALOON Model: A 152 AMBJR Super shift lever, power economic speed, rear wiper, front headrests, digital clock, radial tyres, front seat belts, radio, child-proof lock and tinted glass | NIL | $10,000.00 | NIL | $10,420.00 |
| COLT 1400 GLX 4-DOORS HATCHBACK SALOON Model: A 156 AFBJR Super shift lever, power economic speed, rear wiper, front headrests, digital clock, radial tyres, front seat belts, front disc brake booster, child-proof lock, tinted glass and radio | NIL | $10,500.00 | NIL | $10,920.00 |
| COLT 1200 GL-2 DOORS HATCHBACK SALOON Model: A 151 AMUR Radio, headrests, seat belts, cigarette lighter, collapsible steering column, clock, steering lock and full reclining seats | 10,540.00 | $ 9,600.00 | $10,905.00 | $ 9,980.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual2 harga kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga2 kereta yang di-tunjokkan di-setiap buah kereta yang ada di-bilek pameran (showroom) tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak yang berkuasa Pengawal Harga ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen penjual kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga2 kereta yang telah di-tetapkan itu.



**"PENDIDEKAN kanak2 asas kemajuan negara," thema Hari Pelajar Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, tahun ini, yang telah di-langsongkan di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait, Sabtu lalu.**

**Gambar atas kelihatan Yang Berhormat Malai Haji Mashore bin Malai Haji Abdul Hamid, sedang menyampaikan hadiah kapada salah sa-orang penuntut yang berjaya, sementara gambar bawah pula ia-lah para ibubapa sedang menyaksikan pameran sa-jurus sa-telah selesai upachara persembahan nyanyian, uchapan2 serta penyampaian2 hadiah. — Gambar ehsan Che'gu Awang Tuah bin OKMD Haji Saman.**





**AWANG Haji Abdullah bin Metassan, Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, baru2 ini telah pulang ka-tanah ayer sa-telah berjaya menamatkan kursus tiga bulan di-United Kingdom. Awang Haji Abdullah telah mengikuti kursus Pengurusan Kakitangan dalam Pentadbiran Awam di-Royal Institute of Public Administration, London sa-chara latehan dalam perkhidmatan.**

# PEMAIN CHATOR RTB SEMAKIN MENINGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN — Kebolehan pemain2 chator Jabatan Radio Dan Talivishen Brunei kini sedang meningkat dan mereka telah menerima pujian oleh Peng-awal jabatan tersebut, Dato James Miller di-majlis penyampaian hadiah kapada pemenang2 Perlawanan Chator R.T.B bertempat di-Bilek Kuliah, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka baru2 ini.

Majlis tersebut telah dilakukan oleh Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr. Seramai 28 orang pemain2 chator dijabatan tersebut telah menyertai-nya.

Perlawanan tersebut telah di-menangi oleh Awang Sahari bin Haji Awang, kedua Pengiran Badaruddin bin Pengiran Rabaha dan ketiga Awang Morshidi bin Haji Mohd. Salleh.

Pemain2 chator Jabatan Radio Dan Talivishen sekarang telah pun mengabongkan diri mereka kadalam satu perbadanan yang di-namakan Badan Chator R.T.B. Badan yang baru tertuboh tiga bulan yang lalu itu sekarang mempunyai hampir 40 orang ahli.

Sebelum tertuboh-nya badan tersebut mereka hanya-lah merupakan satu kumpolan pemain yang mendapat perangsang dan bimbingan dari bekas juara chator kebangsaan Brunei, Awang Stewart Wavell.

Dengan tergabong-nya mereka ka-dalam satu badan sekarang mereka bukan sahaja berkesempatan untok memahami lagi taktik permainan yang baik malah telah pun menyumbangkan peranan mereka demi untok memperkenalkan lagi permainan ini dengan chara meluas.

Misal-nya, sejak awal2 penubohan-nya lagi mereka telah membuat satu lawatan ka-Daerah Temburong dan telah mengajak mereka2 yang pandai bermain chator di-sana untok mengadakan perlawanan dengan mereka. Dari sejak itu-lah juga timbul-nya kesedaran pemain2 chator Daerah Temburong untok menyatukan diri mereka sahingga tertuboh-nya Persatuan Pemain2 Chator Temburong.

Dua bulan yang lalu samasa di-adakan Pesta Pantai Ria Tutong sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mereka juga telah mengadakan perlawanan sa-chara persahabatan dengan pemain2 chator daerah Tutong.

Di-samping itu bersempena sambutan yang sama Badan Chator R.T.B telah juga menghantar dua buah pasokan-nya untok menyertai perlawanan Chator Kebangsaan Brunei yang di-anjurkan oleh Persatuan Chator Brunei.

Bagi memperbaiki lagi mutu permainan ahli2 Badan Chator R.T.B antara kegiatan mereka sekarang ia-lah dengan mengadakan bimbingan permainan chator yang mengambil tempat pada satiap minggu di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka.



KEDUA2 gambar kanan dan bawah, menunjokkan suasana di-majlis penyampaian hadiah kapada pemenang2 chator Jabatan Radio dan Talivishen pada petang itu.



# KEJOHANAN BAAA KALI KE-25

TUTONG — Temasha Sokan kali ka-25 Persatuan Sokan Amatur Negeri Brunei akan di-langsongkan sa-lama dua hari berturut2 mulai 1hb Disember, bertempat di-Arena Sokan Muda Hashim di-sini.

BELIA DAN SOKAN

Kejohanan ini ada-lah terbuka kapada semua badan2 Persatuan Sokan, Jabatan2, Sharikat2, Maktab2, dan Ahli2 Sokan Perseorangaan di-seluroh daerah di-negeri ini.

Borang2 untok menyertai-nya sekarang boleh diperolehi daripada Awang Zainal Abidin bin Gana di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Di-Bandar Seri Begawan mereka boleh berhubong dengan Che'gu Tuah Noordin dan Che'gu Abd. Razak Bungsu masing2 di-Bahagian Pelajaran Jasmani dan di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Sementara di-daerah Temburong borang2 tersebut boleh di-perolehi daripada Awang Abd Hamid Momin di-alamat Pejabat Pelajaran Temburong dan di-daerah Belait dari Awg Sibidol.

Semua borang2 penyertaan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 21hb. Nobember depan.

Berikut ia-lah achara2 yang akan di-pertandingkan :

**LELAKI**

110 meter lompat pagar, 100 meter, 200 meter, 400 meter, 400 meter lompat pagar, 800 meter, 1500 meter, 5000 meter, Lompat tinggi, Lompat jauh, Lompat kijang, Lompat bergalah, Buang peluru, Lempar piring, Merejam lembing, 4x100 m. berganti2, 4x400 m. berganti2.

**PEREMPUAN :**

100 meter lompat pagar, 100 meter, 200 meter, 400 meter, 800 meter, 1500 meter, Lompat tinggi, Lompat jauh, Buang peluru, Lempar piring, Merejam lembing, 4x100 m. berganti2, 4x400 m. berganti2.

Pada hari Sabtu 1hb Disember 1979 achara-nya ada-lah saperti berikut:—

3.00 petang, Lompat bergalah lelaki (final); Lari 400 meter lompat pagar (final) lelaki; 3.15 petang, Lari 100 meter (heat) lelaki; 3.25 petang, Lari 100 meter (heat) perempuan; 3.30 petang, Lari 1500 meter (final) perempuan; 3.40 petang, Lari 200 meter (heat) lelaki; 3.50 petang, Lari 200 meter (heat) perempuan; 4.00 petang, Lari 5000 meter (final) lelaki; 4.30 petang, Lari 4x400 meter berganti2 (final) perempuan.

Sementara pada hari Ahad 2hb Disember, 1979 pula adalah :

1.30 petang, Lompat jauh perempuan (final); Merejam lembing lelaki (final); 1.30 petang, Lompat tinggi lelaki (final); 110 meter lompat pagar lelaki (final); 1.40 petang, 100 meter lompat pagar perempuan (final); Lempar Piring perempuan (final); 1.50 petang, 100 meter lelaki (final); 2.00 petang, 100 meter perempuan (final); 2.10 petang, 1500 meter lelaki (final); 2.30 petang, 400 meter perempuan (final); 2.45 petang, Lompat jauh lelaki (final); Merejam lembing perempuan (final); Lompat Tinggi perempuan (final); 400 meter lelaki (final); Lempar Piring lelaki (final); Lompat kijang lelaki (final); Buang Peluru perempuan (final) dan rehat.

3.15 petang, 800 meter lelaki (final); Buang peluru lelaki (final); 3.20 petang, 800 meter perempuan (final); 3.30 petang, 200 meter lelaki (final); 3.35 petang, 200 meter perempuan (final); 3.45 petang 4x100 meter berganti2 lelaki (final); 4.00 petang, 4x100 meter berganti2 perempuan (final); 4.10 4x400 meter berganti2 lelaki (final).





BATTALION Pertama AMDB, telah munchol sa-bagai naib johan dalam perlawanan ragbi tujoh orang sa-pasokan yang telah di-adakan baru2 ini di-Padang Ragbi Perkhemahan Berakas.

Sa-banyak 30 buah pasokan dari lapan unit Pasokan AMDB telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu. Tempat ketiga telah di-menangi oleh Pasokan Skuadron Kereta Perisai Battalion Kedua dari Perkhemahan Tutong. Kedua2 gambar atas dan kanan di-ambil ketika perlawanan sedang di-jalankan dan upachara penyampaian hadiah kapada yang berjaya.

# USAHA PETANI BUKAN SA-TAKAT UNTOK MENJAYAKAN PERTUNJOKAN PERTANIAN

BANGAR, Temburong — Usaha2 para petani dalam bidang pertanian bukan sahaja sa-takat memenohi atau menjayakan sa-suatu pertunjokan pertanian akan tetapi ia-nya lebeh penting lagi dalam memenohi kehendak diri sendiri serta masharakat.

Pegawai Daerah Temburong, Awg. Haji Yaakub bin Haji Ahmad menjelaskan, usaha2 petani di-daerah tersebut maseh belum menchapai taraf yang patut di-banggakan sa-kali pun mereka berada di-satu kawasan bumi yang subor untok tujuan2 pertanian.

Bagaimanapun Awang Haji Yaakub berharap supaya para petani berkenaan akan lebeh bergiat dalam bidang tersebut sa-kali pun mereka merupakan petani sambilan demi untok melipat-gandakan hasil pertanian.

Beruchap merasmikan Pertunjokan Pertanian kali kesembilan yang telah di-adakan di-sini pada hari Ahad lalu, Awang Haji Yaakub menambahkata, Daerah Temburong pada suatu masa dulu merupakan daerah yang kaya dengan penghasilan getah di-tahun2 dua pulohan sa-hingga-lah menjadi tumpuan raayat negeri ini untok menchari mata pencharian.

Bagaimanapun ketika ini, kata-nya sesuai dengan kehendak dan kemudahan bantuan yang di-sediakan oleh kerajaan, ada-lah tidak mustahil untok para petani untok terus berusaha sesuai dengan perkembangan sains dan teknoloji yang dapat membantu permodenan sektor pertanian.

Untok itu Awang Haji Yaakub mengingatkan, jika perusahaan menanam getah tidak lagi menguntongkan para petani perlu-lah meminta nasehat dari pegawai2 pertanian daerah tersebut bagi menentukan jenis tanaman atau ternakan yang sesuai di-usahakan menurut keadaan sa-tempat supaya mereka berhasil.

Awang Haji Yaakub merasa yakin dengan itu usaha kerajaan melalui Jabatan Pertanian akan dapat menghasilkan sumber2 pertanian yang benar2 perlu dan mustahak bagi keperluan kita semua sesuai dengan thema pertunjokan "Mempelbagaikan Chorak Pertanian Untok Memenohi Keperluan Sa-Tempat".

"Insha Allah, jika para petani benar2 berusaha dengan gigih dan bertanggong-jawab saya yakin bahawa usaha kerajaan untok meninggikan taraf ekonomi negeri ini melalui sektor pertanian akan beroleh kejayaan", kata-nya.

Dalam uchapan alu2an-nya, Timbalan Pengarah Pertanian, Awang Danial bin Haji Hanafiah menegaskan bahawa berbagai2 usaha telah di-ranchang dan di-laksanakan oleh Jabatan Pertanian untok memperbaiki mutu perkhidmatan kapada masharakat tani di-negeri ini.

Di-kawasan pentadbiran, umpama-nya, penyusunan semula bentok organisasi jabatan di-semua bahagian dan perengkat ka-arah yang lebeh berkesan telah pesat di-jalankan di-awal tahun tujoh pulohan lagi.

Awang Danial sa-terus-nya menjelaskan bahawa kemudahan2 untok menjalankan berbagai2 ranchangan penyelidekan telah di-perluaskan yang mana ia-nya bukan sahaja terhad kapada steshen2 pertanian yang ada bahkan juga ka-kawasan2 ladang para2 petani sendiri.

Di-samping itu, tambah beliau lagi, kemudahan makmal juga turut di-perluaskan dengan tertuboh-nya kompleks bangunan Pusat Penyelidekan Steshen Pertanian Kilanas yang menelan belanja kira2 satu juta ringgit.

"Pakar2 yang masing2 ahli dalam bidang2 penyelidekan tanah, kaji penyakit tumbohan, kajimusoh tumbohan, agronomi, pengeluaran dan kesihatan binatang2 ternakan, jentera2 pertanian juga telah di-ambil untok berkhidmat sa-chara berkontrek untok menjalankan ranchangan penyelidekan", ujar beliau.

Melalui skim latehan dalam perkhidmatan kerajaan jelas beliau lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menghantar sa-ramai 12 pegawai2 pertanian untok menjalani latehan sama ada di-perengkat diploma, ijazah mahupun ijazah lanjutan di-seberang laut agar harapan ia-nya akan menjadi sumbangan kapada kemajuan perindustrian pertanian di-Brunei.

Menyentoh mengenai pertunjokan di-daerah itu, Awg. Danial berpendapat yang Daerah Temburong mempunyai potensi yang baik untok mengeluarkan hasil2 pertanian untok keperluan daerah dan negeri.

Beliau sa-terus-nya berpendapat daerah itu bukan sahaja sesuai dari segi kawasan2 bahkan juga dari segi kemampuan Jabatan Pertanian untok memberi perkhidmatan yang baik bagi mengeksploitasikan potensi2 tersebut.

Oleh itu beliau berharap supaya pendudok2 di-daerah itu bersedia memainkan peranan mereka dan tidak akan membiarkan pehak kerajaan menepok tangan sa-belah sahaja.

Thema pertunjokan pada tahun ini ia-lah "Mempelbagaikan Chorak Pertanian Untok Memenohi Keperluan Sa-tempat".

Antara bahan2 yang di-pertunjokan termasok-lah padi, tanaman tempatan, biji2an, sayor2an, buah2an dan hasil2 pertanian lain.

Di-samping itu terdapat juga bahagian ternakan saperti lembu, kerbau, kambing, ayam, itek dan angsa serta anyaman dan masak2an dalam pertunjokan di-hari tersebut.

Sementara itu hadiah istemewa juga telah di-berikan kapada peserta2 yang menghantar barang pertunjokan yang baik sekali yang mana penyampaian hadiah2 telah di-lakukan oleh Pegawai Daerah Temburong Awg. Haji Yaakub bin Haji Ahmad.



AWANG Omar menyampaikan hadiah kapada pemenang dalam pertandingan tersebut.

## Lebeh 700 anak2 yatim di-ra'i

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah puteri sulong Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat berchemar duli ka-majlis jamuan Anak2 Yatim bagi Daerah Brunei dan Muara yang telah di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada hari Ahad yang baru lalu.

Majlis jamuan itu di-adakan Sempena Tahun Antara Bangsa Kanak-kanak dan telah di-anjorkan bersama oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dan Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

Keberangkatan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, yang di-iringi oleh Yang Dimuliakan Dayang Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah bte Abdullah itu telah di-sambut oleh pegawai2 dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan serta pegawai perubatan.

Majlis pada hari itu di-dahului dengan uchapan alu2an oleh Ketua Pegawai Kebajikan, Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris.

Berbagai2 achara menarek telah di-persembahkan antaranya termasok-lah permainan pancharagam oleh Kumpolan Pancharagam Maktab SOAS, persembahan nyanyian dari juara Bintang Kechil, persembahan silap mata serta lawak jenaka.

YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah telah juga berkenan menyampaikan hadiah2 istemewa kapada anak2 yatim.

Lebeh daripada 700 orang anak2 yatim di-daerah tersebut telah menyertai majlis tersebut.

Turut hadhir di-majlis tersebut termasok-lah Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah dan Timbalan Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan serta jemputan2 khas.

## Perkampongan Puisi Asterawani

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkampongan Puisi Asterawani yang di-jadualkan dan telah di-batalkan pada akhir September lepas akan di-langsongkan sa-mula pada 4hb Nobember ini bertempat di-Pantai Muara mulai jam 8.30 pagi.

Perkampongan itu juga antara lain akan di-muatkan dengan atorchara deklamasi sajak, dendang puisi lama, pentomen dan lain2.

Persatuan Asterawani sa-bagai penganjor perkampongan itu berharap orang ramai terutama penulis2 akan menghadhiri pertemuan itu.

## Dapat Ijazah

Dari muka 1

Mereka itu ia-lah Awang Talib bin Apong, lulus dalam jurusan Usuluddin; Awang Yusof bin Haji Ismail dan Awang Sharbini bin Haji Md Tahir masing2 lulus dalam jurusan Perundangan Islam (Shariah); Dayang Masnon binte Haji Ibrahim dan Dayang Norzainah binte Md Tahir kedua2-nya lulus dalam bidang Usul dan Fiqeh.

Pada masa ini terdapat sa-ramai 49 orang penuntut yang menerima dermasiswa Kerajaan DYMM melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama menuntut di-luar negeri. Sa-ramai 28 orang maseh menuntut di-Universiti Al-Azhar, Mesir dan yang lain-nya di-Sekolah Arab Al Juned Al-Islamiah, Singapura.

## Korban Raya Haji

JALAN MUARA.—Sa-banyak enam ekor lembu akan di-korbankan sempena Hari Raya Haji oleh pendudok2 Kampong Serusop dan sekitar-nya. Korban itu akan di-lakukan sa-lepas sembahyang Hari Raya.

Sementara itu, di-Kampong Bunut juga akan mengadakan penyembelehan lembu di-antara tujoh dan sepuloh ekor, di-pagi raya tersebut. Majlis korban yang sama juga akan di-adakan di-Kampong Nangka dan di-Masjid Jame Sengkurong.

# Baharui lesen2 yang mansoh dgn segera

TEMBURONG. — Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Omar bin Haji Serudin telah menyeru pemilek2 kenderaan berat saperti pick-up, truck dan tanker supaya memperbaharui lesen kereta mereka apabila lesen itu mansoh.

Kata-nya terdapat sa-tengah2 pemilek2 tidak menyambong apabila lesen itu telah mansoh buat beberapa bulan dan ada yang melebehi satu tahun. Perbuatan saperti itu ada-lah melanggar undang2 lalu-lintas jalanraya.

Beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Pertandingan Lalu-Lintas Shell bagi Daerah Temburong yang di-adakan di-Kawasan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah di-sini pada hari Jumaat lalu, Awang Omar menekankan, dengan tidak di-lesenkan, kereta itu tidak dapat di-pereksa dan tidak dapat di-pastikan dalam keadaan baik dan ia-nya juga tidak di-lindongi insuran.

"Saya tidak akan ragu2 membatalkan permit2 mereka sekira-nya mereka tidak mengambil indah seruan ini demi untok menjaga keselamatan jalanraya", jelas beliau.

Menyentoh mengenai perangkaan kemalangan jalanraya di-negeri ini, Awang Omar mensifatkan ia-nya semakin meningkat dan semakin mengerikan. Maka dengan itu ada-lah menjadi tanggong-jawab sa-tiap pengguna2 jalanraya menchoba mengurangkan jika tidak dapat menghapuskan-nya.

Awang Omar terdahulu dari itu menjelaskan bahawa jalanraya ada-lah di-bena untok memberikan kemudahan kapada pendudok2 di-negeri ini.

"Hendak-nya-lah kemudahan itu tidak akan di-jadikan arena perlanggaran kereta atau arena pertarongan nyawa. Hendak-nya-lah jalanraya di-jadikan sa-bagai tempat yang selamat untok di-gunakan oleh sa-tiap pengguna-nya", ujar Awang Omar.

Sa-tiap kita keluar dari rumah menggunakan jalanraya, tambah beliau itu lagi, terdapat peluang bagi kita untok menemui kemalangan samada kechil atau besar terserah-lah kapada chara atau tata tertib kita dan lain2 pengguna menggunakan-nya.

Permainan ini di-adakan, jelas beliau ada-lah bertujuan untok melateh anak2 bagaimana chara menggunakan jalanraya dengan selamat-nya dan akan menjadi panduan kapada mereka apabila menggunakan jalanraya yang sa-benar bila dewasa kelak.

Awang Omar juga telah menyeru kapada pertubohan2 awam supaya bersama2 membantu menjayakan usaha demi untok mengurangkan kemalangan jalanraya di-negeri ini.

Turut beruchap di-majlis itu termasok-lah Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakob bin Haji Ahmad dan wakil Sharikat Minyak Shell Brunei, Mejar Hussain bin Haji Mohammad.

Pertandingan yang di-adakan buat pertama kali-nya di-daerah itu telah di-kelolakan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei dan telah di-sertai oleh sa-ramai 120 orang kanak2 dari enam buah sekolah.

Thema pertandingan pada tahun ini ada-lah "Mematohi peratoran2 jalanraya ada-lah satu amalan yang mulia."

Tempat pertama dalam pertandingan tersebut telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Bokok dan naib johan ia-lah Sekolah Melayu Batu Apoi. Kedua2 sekolah ini akan mewakili daerah tersebut ka-pertandingan lalu-lintas perengkat negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan.

Dari muka 1

Dan salah satu saloran untok mendekatkan mereka, kata-nya, ia-lah melalui seni muzik yang sa-memang-nya sudah mendapat tempat dalam kehidupan kita.

"Tetapi sa-takat mana-kah lagu2 yang berakar umbi dalam kehidupan masharakat kita ini memberi ilham kapada pemuzik2 kita untok menchipta lagu2 yang memancharkan pelbagai warna dan ragam kehidupan kita orang Brunei?" tanya Awang Mahmud.

Pada hemat beliau, majoriti pemuzik2 atau peggemar2 muzik kita itu ada-lah tukang chelup atau imitator terhadap 'ready made music' yang di-impot.

Beliau merasa bimbang, jika perkara demikian berterusan, kesudahan-nya bidang seni muzik kita akan tidak menampakkan keperibadian bangsa kita orang Brunei, lebeh malang lagi ia akan menampakkan chara hidup negatif ala disko dalam masharakat muda-mudi yang saperti mana sudah mula kelihatan ketika ini.

"Untok menjaga mertabat kita sa-bagai satu bangsa adalah bijak kalau kita dari sekarang merubah sifat kita sa-bagai 'imitator' kapada 'innovator' supaya bidang seni muzik itu dapat membantu memperchepatkan lagi tempo pembangunan mental dan fizikal yang kita chita-chitakan itu," kata-nya.

Untok itu ujar beliau, dalam sa-tiap persembahan muzik patut-lah di-persharatkan mesti terdapat lagu2 asli chiptaan pemuzik2 tempatan.

Mendapat tempat kemenangan dalam Malam Mekar Aidil-Fitri kali kedua malam itu dalam pertandingan nyanyian yang di-ambil bahagian oleh 17 orang kanak-kanak keluarga DBP ia-lah pertama: Mohd. Shahrin bin Metusin; kedua, Awang Haslani bin Kassim dan ketiga, Dayangku Siti Ummi Kalsom bte Pengiran Othman.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Dayang Fatimah bte Awg Haji Hussin Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.